

21 SEP 2003

Felda-BSKL

PENYENARAIAAN FELDA DI BSKL BAIK UNTUK PESERTA

KUALA TERENGGANU, 21 Sept (Bernama) -- Peserta tanah rancangan Felda akan mendapat faedah yang memadai apabila badan itu disenaraikan ke Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kata Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Dr Tan Kee Kwong.

Katanya, penyenaaraian dalam BSKL adalah berbeza daripada cadangan sebelum ini iaitu "Pembelian Oleh Pengurusan" (MBO) bagi mengambil alih pengurusan Felda.

"Kerajaan menolak cadangan itu beberapa tahun lepas, kerana ia hanya akan memberikan faedah kepada beberapa pihak tertentu sahaja.

"Ini berbeza dengan cadangan penyenaaraian Felda ke BSKL yang tentunya akan memberikan pelbagai faedah kepada masyarakat Felda selaras dengan tujuan asal penubuhannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Anugerah Kualiti Koperasi peringkat Negeri Terengganu di sini hari ini.

Ketika membenteng Bajet 2004, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan cadangan penyenaaraian Felda di BSKL dan dijangka akan menjadi saham mewah dan berpotensi dipromosikan sebagai jenama antarabangsa.

Dengan penyenaaraian tersebut, Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata Felda akan berupaya mendapatkan modal daripada pasaran dan tidak perlu lagi bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangannya.

Ketika ditanya, mengenai jumlah faedah yang mungkin akan diterima oleh masyarakat peneroka, Tan berkata, perkara itu masih belum ditetapkan.

Bagaimanapun, beliau berharap agar peneroka tidak terus menjual saham yang bakal mereka perolehi kerana pada pendapatnya, harga saham itu akan terus meningkat di samping pemegang sahamnya akan mendapat faedah lain daripadanya.

-- BERNAMA

HIS DC MOZ